



Transformer

Transformer digunakan untuk menaikkan atau menurunkan voltan arus ulang-alik. Transformer terdiri daripada dua gegelung dawai yang melilit pada suatu teras besi lembut.

Gegelung primer ialah gegelung dawai yang disambung ke bekalan arus ulang-alik.

Gegelung sekunder ialah gegelung dawai yang membawa arus keluar.

Voltan output yang dihasilkan bergantung kepada bilangan lilitan pada gegelung primer dan gegelung sekunder.

Transformer injak naik	Transformer injak turun
	
Gegelung primer mempunyai bilangan lilitan yang kurang	Gegelung primer mempunyai bilangan lilitan yang banyak
Voltan input yang rendah	Voltan input yang tinggi
Gegelung sekunder mempunyai bilangan lilitan yang banyak	Gegelung sekunder mempunyai bilangan lilitan yang kurang
Voltan output yang tinggi	Voltan output yang rendah